

# 'Selamat jalan Presiden'

UM- 8/4/2007

Oleh HASSAN MOHD NOOR

**SEMALAM**, Dr. Lim Keng Yaik memengerusikan mesyuarat jawatankuasa pusat (CWC) Gerakan buat kali terakhir. Beliau juga merasmikan Menara PGRM 2 yang pastinya menjadi kebanggaan beliau sebagai Presiden parti yang berjaya merealisasikan dua menara Gerakan. Pada hari Jumaat, beliau diraikan di pameran foto mengenai penglibatan beliau dalam politik dan kerajaan di Dewan Wawasan PGRM. Pada satu sidang akhbar hari berkenaan, beliau mengucapkan *bye-bye* kepada para wartawan. Dan hari ini, pada mesyuarat agung luar biasa (BGM), Keng Yaik akan menyerahkan jawatan Presiden Gerakan kepada timbalannya, Koh Tsu Koon yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang.

Begitulah 'sambutan' tiga hari tiga malam parti Gerakan bagi 'meraikan' peranan pemimpin mereka. Hari ini merupakan hari bersejarah Keng Yaik.

Keng Yaik memilih hari ini untuk meletak jawatan setelah tahun lalu menandatangani 'Formula 2668' untuk berundur. Formula itu bermaksud 26 tahun memimpin Gerakan sebagai Presiden dan 68 tahun berkhidmat.

Tempoh jawatan Keng Yaik berakhir pada 2008 selepas beliau dipilih semula sebagai Presiden pada pemilihan 27 Ogos lalu mengalahkan timbalannya Kerk Choo Ting dengan majoriti 355 undi.


Namun Keng Yaik memilih bersara awal bagi memberi peluang kepada bakal penggantinya memimpin parti terutama dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Ini adalah masa yang menggembirakan. Saya akan cuba untuk tidak menanggung. Saya seorang yang sentiasa riang dan selalu dilihat sering ketawa tetapi saya juga emosional. Saya juga boleh menangis (tapi) saya tidak akan membiarkan kamu semua melihat saya menangis," katanya.

Keng Yaik melepaskan jawatan Presiden dengan perasaan lega dan senang hati kerana meninggalkan parti itu dalam keadaan teratur.

"Saya mahukan peletakan jawatan saya dan penyerahan pucuk pimpinan kepada kepimpinan yang baru sebagai satu peristiwa yang menggembirakan" kata Keng Yaik.

Maka hari ini, di Dewan Wawasan PGRM yang menjadi kebanggaan ahli-



**HARI ini Keng Yaik akan menyerahkan kerusi Presiden kepada Tsu Koon.**

ahli parti itu, Gerakan secara rasmi akan menerima Tsu Koon sebagai Pemangku Presiden sehingga disahkan pada pemilihan akan datang.

Dan menariknya kini jawatan Presiden kembali ke pangkuan Ketua Menteri Pulau Pinang selepas Dr. Lim Chong Eu memegang jawatan Presiden mulai 1974 hingga 1980 dan dilantik sebagai Penasihat Gerakan seumur hidup mulai 17 Ogos 1980 tetapi meletak jawatan pada 3 Jun 1990.

Hari ini Keng Yaik juga akan mengikut jejak Chong Eu sebagai penasihat parti. (Sekadar catatan Chong Eu dan Keng Yaik sebelum menyertai Gerakan pernah berada dalam MCA).

Dengan pengunduran Keng Yaik ini, ia menandakan satu lagi perubahan kepimpinan dalam parti komponen Barisan Nasional (BN) selepas UMNO dan MCA. Menariknya ialah UMNO, MCA dan kini Gerakan memberi laluan kepada pimpinan baru atau boleh dikatakan 'orang muda'.

Selain UMNO yang kini dipimpin oleh Abdullah Ahmad Badawi selepas 22 tahun diterajui Dr. Mahathir Mohamad dan dibantu oleh Najib Tun Razak, MCA pula diterajui oleh Ong Ka Ting bersama

timbalannya Chan Kong Choy. Hanya MIC masih diterajui orang lama iaitu S. Samy Vellu dibantu 'orang muda' yang juga 'orang baru' iaitu G. Palanivel.

Walaupun Samy Vellu dijangka terus mengekalkan kedudukannya sehingga tempohnya berakhir tetapi pastinya Palanivel kini dalam kedudukan siap sedia untuk memimpin parti sama seperti peluang yang diberikan oleh Gerakan kepada Tsu Koon.

Apakah Tsu Koon mampu memikul tugas ini?

Masih terlalu awal untuk mengukur kemampuan Ketua Menteri Pulau Pinang ini. Tetapi yang pasti tugasnya akan lebih mencabar. Dengan kedudukannya sebagai Pemangku Presiden Gerakan dan Ketua Menteri Pulau Pinang, sudah tentu lebih banyak cabaran menantinya. Sebelum ini pun beliau memang dihadapkan dengan pelbagai cabaran termasuk rasa tidak puas hati di kalangan rakan-rakan parti komponen. Dalam politik, jika beliau pandai membawa diri sudah tentu akan disenangi rakan-rakan. Ini yang penting kerana di luar komponen BN, sudah pasti, pembangkang khususnya DAP akan sentiasa mencari kesilapan dan kekurangannya.

**Keng Yaik memilih hari ini untuk meletak jawatan setelah tahun lalu mendapat 'Formula 2668' untuk berbuat demikian.**

Tsu Koon memang sudah diuji dalam beberapa pilihan raya umum. Beliau pernah tewas kepada Lim Kit Siang tetapi pelantikannya sebagai setiausaha politik Chong Eu selepas itu 'menghidupkan' semula sinar politiknya.

Ketika nama-nama seperti Khor Gark Kim dan Goh Cheng Teik disebut-sebut akan mengambil alih kepimpinan Chong Eu, tiba-tiba Tsu Koon lebih bertuah. Dan selepas mengetuai kerajaan negeri, beliau berjaya mengharungi pilihan raya umum 1995, 1999 dan 2004 walaupun dicabar hebat DAP.

Maka adalah tidak menghairankan apabila Tsu Koon akan terus menghadapi cabaran DAP terutama di Pulau Mutiara itu. Inilah cabaran utamanya.

Dan tidak boleh dipandang ringan ialah pemilihan tahun depan. Adakah Tsu Koon akan disahkan jawatannya dengan mudah atau akan menghadapi saingan daripada calon-calon lain? Semuanya di tangan ahli-ahli Gerakan.

## PROFIL KARIER KOH TSU KOON

- **1975-1978** - Pensyarah, Sekolah Pendidikan, Universiti Sains Malaysia (USM)
- **1978-1982** - Timbalan Dekan, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, USM
- **1982** - Menamatkan perkhidmatan di USM untuk menyertai politik
- **1986-1990** - Setiausaha Politik Dr. Lim Chong Eu (Ketua Menteri Pulau Pinang)
- **Okt. 1990** - Ketua Menteri Pulau Pinang sehingga sekarang

### JAWATAN DALAM GERAKAN

- **1982** - Menganggotai Gerakan
- **1983-1990** - Ketua Pemuda Gerakan Kebangsaan
- **8 April, 1989** - Timbalan Setiausaha Agung
- **Jun 1990** - Setiausaha Pusat Perhubungan Gerakan Pulau Pinang
- **1991** - Naib Presiden Gerakan
- **Apr. 1995** - Naib Pengerusi, Gerakan Pulau Pinang
- **1996** - Pengerusi, Perhubungan Gerakan Negeri Pulau Pinang
- **Okt. 2002** - Kekal tanpa bertanding sebagai Naib Presiden, Gerakan bagi penggal 2002/2005
- **20 Ogos 2005** - Menang tanpa bertanding sebagai Timbalan Presiden, Gerakan bagi penggal 2005/2008

### PERTANDINGAN PILIHAN RAYA

- **1982** - BN (Parlimen/Tanjong) Menang dengan majoriti 834 undi menewaskan Chian Heng Kai @ Chin Soo Ha (DAP)
- **1986** - BN (Parlimen/Tanjong) Tewas kepada Lim Kit Siang dengan perbezaan 11,690 undi
- **1990** - BN (DUN/Tanjong Bunga) Menang dengan majoriti 1,012 undi menewaskan Gooi Hock Seng (DAP)
- **1995** - BN (DUN/Tanjong Bunga) Menang dengan majoriti 7,703 undi menewaskan Lim Kit Siang (DAP)
- **29 Nov. 1999** - BN (DUN/Tanjong Bunga) Menang dengan majoriti 6,861 undi menewaskan Wong Hang Yoke (DAP)
- **21 Mac 2004** - BN (DUN/Tanjong Bunga) Menang dengan majoriti 6,224 undi menewaskan Lim Cheng Hoe (DAP)